

AKTA IMIGRESEN 1959/63

SUMBER UNDANG-UNDANG

- ▶ Undang-undang bertulis
 - Perlembagaan Persekutuan
 - Perlembagaan Negeri
 - Akta, Ordinan dan Enakment
 - Undang-undang subsidiari
- ▶ Undang-undang tidak bertulis
 - *Common law*
 - Keputusan Mahkamah
 - Undang-undang adat

SEJARAH AKTA IMIGRESEN 1959/63

- ▶ Sebelum Sabah, Sarawak, dan Persekutuan Malaya membentuk Malaysia pada tahun 1963, hal-hal berkaitan imigresen tertakluk kepada:-
 - i) Persekutuan Malaya – Ordinan Imigresen 1952 [*Ord. 68 of 1952*]
 - ii) Sabah – Ordinan Imigresen 1962 [*Ord. 1 of 1962*]
 - iii) Sarawak – Ordinan Imigresen [*Cap. 15*]
- ▶ Apabila Malaysia ditubuhkan, Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] diluluskan di Parlimen. Akta Imigresen 1959/63 memansuhkan Ordinan Imigresen Sabah 1962 dan Ordinan Imigresen Sarawak [*Cap. 15*].
- ▶ Akta tersebut juga membuat peruntukan-peruntukan khas dalam Bahagian VII untuk Sabah dan Sarawak.

SEJARAH AKTA IMIGRESEN 1959/63

- ▶ Seksyen 1 Akta Imigresen 1959/63 menyatakan bahawa Akta ini digunapakai di seluruh Malaysia tertakluk kepada Bahagian VII.
- ▶ Perlindungan khas dalam Bahagian VII Akta tersebut adalah merupakan antara syarat-syarat penyertaan Sabah dan Sarawak untuk membentuk Malaysia yang dipersetujui dan ditandatangani oleh United Kingdom, Persekutuan Malaya, *North Borneo* (Sabah), Sarawak dan Singapura dalam Perjanjian Malaysia 1963.

SEJARAH AKTA IMIGRESEN 1959/63

- ▶ Syarat ini disertakan kerana pemimpin dan rakyat Sabah dan Sarawak pada ketika itu kkuatir migrasi besar-besaran orang Semenanjung Malaysia ke dalam Sabah dan Sarawak yang akan menjejaskan peluang pekerjaan dan ekonomi rakyat negeri-negeri tersebut.
- ▶ Oleh yang demikian, Seksyen 65 Akta ini memberikan kuasa kepada Ketua Menteri-Ketua Menteri Sabah dan Sarawak untuk menghadkan kemasukan rakyat Malaysia dan rakyat bukan Malaysia ke Sabah dan Sarawak.

OBJEKTIF AKTA IMIGRESEN 1959/63

- ▶ Mengenalpasti kuasa keluar dari atau masuk ke dalam Malaysia;
- ▶ Pengeluaran dokumen-dokumen perjalanan seperti pas, permit, visa dan lain-lain yang sah dan memberi hak kepada seseorang sama ada warganegara Malaysia atau tidak untuk keluar dari atau masuk ke dalam Malaysia;
- ▶ Mengenalpasti bidangkuasa pihak Imigresen, kuasa Kementerian atau Persekutuan dan kuasa Ketua Menteri Sabah dan Sarawak dalam hal-hal berkaitan Imigresen.

BAHAGIAN I – PERMULAAN (SEKSYEN 1-4)

► Seksyen 2 – Tafsiran

“**Permit Masuk**” bererti suatu permit untuk masuk dan berada di Malaysia yang dikeluarkan di bawah Seksyen 10.

“**Pas**” bererti mana-mana pas yang dikeluarkan di bawah mana-mana peraturan yang memberi hak kepada pemegangnya untuk masuk dan berada secara sementara di Malaysia.

“**Masuk**” bererti seseorang yang masuk ke Malaysia melalui laut dan dianggap memasuki Malaysia apabila ia mendarat daripada kapal yang membawanya tiba.

Manakala seseorang yang tiba melalui udara adalah dianggap memasuki Malaysia apabila ia meninggalkan lapangan terbang.

BAHAGIAN I – PERMULAAN (SEKSYEN 1-4)

► Seksyen 3 – Pelantikan dan kuasa Ketua Pengarah dll.

- (1) Mengenai pelantikan dan kuasa Ketua Pengarah Imigresen dan Timbalan Ketua Pengarah Imigresen yang dilantik oleh YDPA.
- (1A) Menteri boleh melantik seberapa banyak Pengarah Imigresen dan Timbalan Pengarah Imigresen.
- (1B) Ketua Pengarah boleh melantik seberapa banyak Pegawai Imigresen bagi pelaksanaan Akta ini.
- Kuasa Ketua Pengarah Imigresen adalah tertakluk kepada **Seksyen 4** yang memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi arahan-arahan berbentuk umum yang tidak bertentangan dengan Akta ini.

BAHAGIAN II – KEMASUKAN KE DALAM DAN PERLEPASAN DARIPADA MALAYSIA (SEKSYEN 5-9A)

▶ **Seksyen 5**

- Menteri boleh menentukan tempat-tempat masuk dan berlepas melalui pemberitahuan dalam Warta.

▶ **Seksyen 6**

- Seseorang yang bukan Warganegara Malaysia tidak dibenarkan masuk ke dalam Malaysia tanpa Permit atau Pas yang sah.

BAHAGIAN II – KEMASUKAN KE DALAM DAN PERLEPASAN DARIPADA MALAYSIA (SEKSYEN 5-9A)

▶ **Seksyen 7**

- Warganegara Malaysia berhak masuk ke dalam Malaysia tanpa Permit atau Pas dengan syarat menunjukkan dokumen-dokumen yang boleh membuktikan kerakyatannya.

▶ **Seksyen 8**

- Menjelaskan imigran larangan yang dilarang masuk ke dalam Malaysia.
 - i. Orang yang tidak menunjukkan kemampuan untuk menyara dirinya atau tidak mempunyai kerja tertentu yang menantinya;
 - ii. Orang yang mempunyai gangguan atau kecacatan mental atau mempunyai penyakit berjangkit;

BAHAGIAN II – KEMASUKAN KE DALAM DAN PERLEPASAN DARIPADA MALAYSIA (SEKSYEN 5-9A)

► Seksyen 8 (samb.)

- iii. Orang yang tidak mahu menjalani pemeriksaan kesihatan jika diperlukan di bawah subseksyen 39A(1);
- iv. Orang yang disabitkan dengan kesalahan dan dihukum penjara;
- v. Pekerja seks (*Prostitute*), kuturaya, peminta sedekah, kumpulan ajaran sesat, orang yang mahu menjatuhkan kerajaan dan sebagainya.
- Bagaimana dengan 'Mistress' atau perempuan simpanan?
- Kes: **Koh Ah Peng v R [1939] MLJ 19**
 - Perempuan simpanan tidak termasuk dalam takrifan *prostitute*.

BAHAGIAN II – KEMASUKAN KE DALAM DAN PERLEPASAN DARIPADA MALAYSIA (SEKSYEN 5-9A)

- ▶ Bagaimana dengan pelarian 'refugees' yang masuk ke dalam Sabah pada tahun 70an?
- Rujuk Artikel 32 (1) *Convention Relating to the Status of Refugees 1951 as amended by 1967 Protocol*.
- Artikel 32 (1) melarang pengusiran pelarian dalam sesebuah wilayah.
- Bincangkan.

BAHAGIAN II – KEMASUKAN KE DALAM DAN PERLEPASAN DARIPADA MALAYSIA (SEKSYEN 5-9A)

► Seksyen 9

- Memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk melarang kemasukan sesiapa sahaja selain daripada warganegara Malaysia atau pemegang mana-mana Pas atau Permit yang sah.
- Ketua Pengarah juga mempunyai kuasa untuk membatalkan pas atau permit sekiranya beliau berpendapat bahawa kehadiran pemegang permit tersebut memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan awam, kesihatan awam atau prinsip moral di Malaysia.
- Bolehkah tindakan mahkamah diambil terhadap Ketua Pengarah Imigresen kerana pembatalan Pas atau Permit masuk mana-mana orang atau golongan orang? Sila lihat Seksyen 59A.

BAHAGIAN II – KEMASUKAN KE DALAM DAN PERLEPASAN DARIPADA MALAYSIA (SEKSYEN 5-9A)

▶ **Seksyen 9A**

- Memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengehendkan kemasukan ke dalam Malaysia untuk melindungi kepentingan ekonomi, industry, sosial, pendidikan atau lain-lain keadaan yang perlu.

BAHAGIAN III – PERMIT-PERMIT MASUK (SEKSYEN 10-15)

► Seksyen 10

- Sesiapa sahaja yang bukan warganegara Malaysia atau tidak memiliki suatu Pas untuk memasuki Malaysia yang sah atau hendak kekal di Malaysia setelah tamat tempoh Pas tersebut haruslah memohon untuk mendapatkan Permit atau Pas yang disahkan oleh pihak Imigresen.
- Sekiranya pihak Imigresen enggan mengeluarkan Permit, pemohon tersebut berhak untuk membuat rayuan kepada Menteri dalam tempoh 30 hari selepas pemberitahuan bahawa permohonannya ditolak.

BAHAGIAN III – PERMIT-PERMIT MASUK (SEKSYEN 10-15)

► Seksyen 10-14

- Lazimnya bagi permohonan untuk mendapatkan status Pemastautin Tetap atau *Permanent Resident*. (Bagi Sabah dan Sarawak sila lihat Seksyen 71(2)-(4)).
- Sekiranya seseorang hendak tinggal di Malaysia secara bukan sementara waktu maka ia harus memohon satu Permit Masuk ke dalam Malaysia.
- Syarat-Syarat:-
 - i. Mempunyai pasport atau Visa yang sah;
 - ii. Pemohon bukan Imigran Larangan di bawah Seksyen 8;
 - iii. Isteri yang sah;
 - iv. Anak yang mana ayahnya merupakan warganegara Malaysia;
 - v. Atas keizinan Menteri.

BAHAGIAN III – PERMIT-PERMIT MASUK (SEKSYEN 10-15)

► Seksyen 15

- Jika seseorang itu kekal di Malaysia (melainkan dia dibenarkan untuk kekal di Malaysia di bawah Akta ini) selepas:-
 - pembatalan mana-mana Permit atau Sijil di bawah Bahagian III;
 - membuat pengisytiharan di bawah subseksyen 14(4);
 - tamat tempoh Pas;
 - pemberitahuan bahawa Pas di bawah Akta ini telah terbatal,

Maka dia melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN IV – PROSEDUR APABILA TIBA DI MALAYSIA (SEKSYEN 16-30)

▶ Seksyen 17 & 18

- Nakhoda kapal atau kapten pesawat melakukan kesalahan sekiranya sesebuah kapal atau pesawat memasuki Malaysia melalui pelabuhan atau lapangan terbang yang tidak diiktiraf oleh pihak Imigresen.

▶ Seksyen 19 & 20

- Adalah menjadi suatu kesalahan untuk seseorang itu memasuki Malaysia tanpa diperiksa atau mendapatkan kebenaran daripada pihak Imigresen.

BAHAGIAN IV – PROSEDUR APABILA TIBA DI MALAYSIA (SEKSYEN 16-30)

► Seksyen 24 & 26

- Setiap orang yang memasuki Malaysia melalui laut, udara atau darat dikehendaki untuk hadir di hadapan Pegawai Imigresen untuk diperiksa. Sekiranya didapati orang atau golongan orang itu adalah dilarang daripada memasuki Malaysia, maka orang atau golongan orang itu hendaklah meninggalkan Malaysia.
- Adalah menjadi tanggungjawab nakhoda kapal atau kapten pesawat untuk menanggung kos untuk membawa keluar orang yang dilarang masuk tersebut.

BAHAGIAN IV – PROSEDUR APABILA TIBA DI MALAYSIA (SEKSYEN 16-30)

► Seksyen 27 & 28

- Pihak Imigresen mempunyai kuasa untuk menahan mana-mana orang di depot Imigresen sekiranya terdapat keraguan atas kesahihan kemasukan mereka ke Malaysia.
- Pihak Imigresen juga mempunyai kuasa untuk menyoal siasat sesiapa sahaja yang tiba atau hendak meninggalkan Malaysia.
- Apakah yang dimaksudkan dengan 'menjawab semua soalan yang ditujukan oleh Pegawai Imigresen secara benar' di bawah subseksyen 28(1)?
 - Bukan pengecualian kepada '*right to be silent*' di bawah seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah. Seseorang itu hendaklah menjawab semua soalan yang dikemukakan oleh pihak Imigresen. Sekiranya tidak, menjadi kesalahan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN V – PENYINGKIRAN DARIPADA MALAYSIA (SEKSYEN 31-37)

- ▶ Bahagian V merupakan peruntukan bagi penyingkiran imigran daripada Malaysia. Pihak Imigresen mempunyai kuasa untuk memindah atau menyingkir sesiapa yang didapati sebagai imigran larangan atau sebagai seseorang yang berada di Malaysia secara haram (menyalahi undang-undang).
- ▶ Adakah Ketua Pengarah boleh menyingkirkan seseorang yang tidak mempunyai kewarganegaraan (*stateless person*) ke negara asalnya sekiranya Imigran tersebut telah dilucutkan kewarganegaraan oleh negara asalnya?

BAHAGIAN V – PENYINGKIRAN DARIPADA MALAYSIA (SEKSYEN 31-37)

- ▶ Jawapan: Tidak
- Di bawah '*Convention on Status of Stateless Persons*', negara-negara yang terikat dengan perjanjian tersebut tidak boleh menyingkirkan *stateless person* ke negara asalnya kerana kewarganegaraannya telah dibatalkan.
- Walaupun Malaysia tidak menandatangani perjanjian konvensyen tersebut, Malaysia sebagai ahli Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dikehendaki untuk menghormati konvensyen tersebut.
- Begitu juga dengan pelarian yang memohon perlindungan politik (*political asylum*) (Lihat Seksyen 55 Akta Imigresen 1959/53).

BAHAGIAN V – PENYINGKIRAN DARIPADA MALAYSIA (SEKSYEN 31-37)

► Seksyen 34 & 35

- Merupakan peruntukan di mana orang yang hendak disingkirkan daripada Malaysia boleh ditahan sehingga arahan penyingkiran dikeluarkan.
- Seksyen 35 menyatakan bahawa pihak Imigresen boleh menahan mereka di mana-mana penjara, balai polis atau depot Imigresen untuk tempoh tidak lebih daripada 30 hari.

BAHAGIAN V – PENYINGKIRAN DARIPADA MALAYSIA (SEKSYEN 31-37)

- ▶ **Seksyen 36 – Kembali secara tidak sah selepas disingkirkan**
 - Sekiranya mana-mana orang yang telah disingkirkan atau dihantar keluar daripada Malaysia memasuki Malaysia kembali secara haram, orang tersebut melakukan kesalahan dan jika disabitkan, boleh didenda tidak lebih daripada RM10,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali, dan sebatan tidak melebihi 6 kali dan akan disingkirkan daripada Malaysia.

BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

▶ Seksyen 39 & 39A

- Memberi kuasa kepada Pegawai Imigresen untuk menangkap, menahan, menyiasat dan mendakwa.
- Pegawai Imigresen diberi kuasa-kuasa Pegawai Polis (Rujuk Seksyen 15-33 Kanun Tatacara Jenayah).

▶ Seksyen 47

- Sekiranya pemindahan daripada Malaysia perlu dilakukan maka nakhoda atau kapten serta pemilik kapal atau pesawat yang membawa masuk imigran hendaklah bertanggungjawab untuk menanggung kos penahanan dan pemindahannya.
- Sekiranya nakhoda atau kapten tidak membayar kos perbelanjaan?

BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

▶ Jawapan:

- Sekiranya gagal membayar hutang tersebut kepada kerajaan, tindakan boleh diambil di bawah Akta Penghutang 1957.

▶ **Seksyen 50**

Mana-mana orang yang dipercayai dengan munasabah sebagai orang yang boleh disingkir daripada Malaysia boleh disiasat oleh Pegawai Imigresen. Semua jawapan dan dokumen adalah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

► Seksyen 51

- membenarkan kuasa untuk menggeledah premis dan menahan orang tanpa waran.
- Subseksyen 51(2) – *No woman shall be searched under this section except by a woman.*
- Sekiranya warganegara ditahan, dia tidak boleh ditahan melebihi 24 jam (Lihat Seksyen 28 Kanun Tatacara Jenayah).
- Sekiranya bukan warganegara, dia tidak boleh ditahan melebihi 14 hari.

BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

► Seksyen 54 & 55

- Menteri mempunyai kuasa yang luas yang mana antaranya adalah untuk membuat peraturan-peraturan (S. 54) di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan memberi pengecualian (S. 55) kepada mana-mana orang daripada peruntukan dalam Akta ini.
- Walaubagaimanapun, bagi Sabah dan Sarawak, pengecualian di bawah seksyen 55 tidak boleh diberikan tanpa merujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri (Lihat subseksyen 65(3)).
- Soalan: Adakah Peraturan-Peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah Seksyen 54 memerlukan kelulusan Dewan Rakyat? (Lihat subseksyen 54(2)).
- Namakan jenis atau kelas pas yang dikeluarkan oleh Imigresen menurut Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. (Lihat sub-peraturan 8(1))

BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

► Seksyen 55A

- Sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung membawa seseorang yang bertentangan dengan Akta ini sama ada melalui kenderaan, kapal ataupun pesawat, adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 dan penjara tidak kurang 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun dan sebatan tidak melebihi 6 kali.

BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

► Seksyen 55B

- Mana-mana orang yang mengambil seseorang yang bukan warganegara atau pemegang Permit Masuk yang tidak memiliki Pas yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap pekerja.
- Sekiranya orang tersebut mempunyai lebih daripada lima orang pekerja, lihat subsekyen 55B(3).

BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

▶ Seksyen 55D

- Pemalsuan atau pindaan suatu pengendorsan atau dokumen (Contoh: Permit, Pas, Visa).
- Hukuman: Denda tidak kurang RM30,000 tetapi tidak lebih daripada RM100,000 dan penjara tidak kurang 5 tahun tetapi tidak lebih daripada 10 tahun dan sebatan tidak lebih daripada 6 kali.

▶ Seksyen 55E

- Penduduk sesebuah premis dilarang membenarkan imigran haram masuk dan tinggal di premis.
- Hukuman: Denda tidak kurang RM5,000 tetapi tidak lebih daripada RM30,000 dan penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap imigran yang dijumpai dalam premis.

BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

▶ Seksyen 57 – Penalti Am

- Mana-mana seksyen yang tidak memperuntukkan penalti hendaklah merujuk seksyen ini.
- Hukuman: Denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.



BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

► Seksyen 59

- Tiada seseorang atau golongan orang boleh diberikan peluang untuk didengar sebelum Menteri atau Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Negeri (Sabah & Sarawak) membuat apa-apa perintah di bawah Akta ini atau Peraturan-Peraturan di bawah Akta ini.
- Penggubalan seksyen ini dilakukan pada tahun 1989 untuk menghalang kes-kes seperti JP Berthelsen v DG of Immigration [1987] 1 MLJ 134 dibawa ke mahkamah bagi menghalang pihak Imigresen untuk membatalkan permit.



BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

► Seksyen 59A

- Tidak akan diadakan semakan kehakiman dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa tindakan yang dilakukan atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri atau ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Negeri (Sabah & Sarawak) di bawah Akta ini kecuali untuk pematuhan keperluan procedural dalam Akta ini atau Peraturan-Peraturan yang mengawal (governing) tindakan atau keputusan tersebut.
- Lihat kes *Sugumar Balakrishnan v Director of Immigration, State of Sabah & Anor* [1998] 2 MLJ 217.

BAHAGIAN VI – PELBAGAI (SEKSYEN 38-61)

► *Facts of the case:*

- *The applicant, a West Malaysian, first came to Sabah as a teacher on Aug 8, 1975. After been called to the Sabah Bar as Advocate & Solicitor on 23 Oct 1985 and making Sabah his home, he applied for an entry permit sometimes in 1995. He was finally granted an entry permit on 27 Dec 1995. After receiving a directive from the second respondent, the State Authority of Sabah, made pursuant to s 65(c) of the Immigration Act 1959/63, the 1st respondent, the Director or Immigration Sabah served the applicant with a notice of cancellation of entry permit on 12 Nov 1997 and made it unlawful for the applicant to remain in Sabah.*
- *Keputusan Mahkamah Tinggi (disokong oleh keputusan Mahkamah Persekutuan): Usul pemohon ditolak. Seksyen 59A digubal untuk melindungi tindakan atau keputusan pihak berkuasa negeri daripada dipersoalkan di mahkamah.*

BAHAGIAN VII – PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BAGI MALAYSIA TIMUR [SABAH & SARAWAK] (SEKSYEN 62-74)

► Seksyen 62 – Tafsiran

“**Negeri Malaysia Timur**” bererti Negeri Sabah atau Sarawak

“**Pengarah**” bererti Pengarah Imigresen Sabah atau Pengarah Imigresen Sarawak

“**Pihak Berkuasa Negeri**” bererti Ketua Menteri Sabah atau Sarawak atau orang tertentu yang memegang jawatan dalam negeri yang ditetapkan oleh Ketua Menteri dalam Warta Negeri.

BAHAGIAN VII – PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BAGI MALAYSIA TIMUR [SABAH & SARAWAK] (SEKSYEN 62-74)

► Seksyen 64

- Seksyen ini berkaitan dengan pemakaian undang-undang imigresen ke atas setiap Negeri Malaysia Timur sebagai unit yang berasingan.
- Menurut seksyen ini, Bahagian I-VI hendaklah dikuatkuasakan di Negeri-negeri Malaysia Timur. Walaubagaimanapun, Bahagian-bahagian tersebut adalah tertakluk kepada subseksyen 64(2).
- Terdapat seorang Pengarah bagi setiap Negeri Malaysia Timur dan beliau hendaklah mempunyai kuasa yang sama seperti Ketua Pengarah dalam Bahagian I-IV.

BAHAGIAN VII – PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BAGI MALAYSIA TIMUR [SABAH & SARAWAK] (SEKSYEN 62-74)

▶ **Seksyen 65 – Kuasa-kuasa Am Pihak Berkuasa Negeri**

- Dalam menjalankan tugas-tugasnya, Pengarah hendaklah mematuhi arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri iaitu Ketua Menteri ataupun orang yang ditetapkan oleh Ketua Menteri.
- **Seksyen 65 – Kuasa-kuasa Am Pihak Berkuasa Negeri**
- Menurut seksyen ini, setiap warganegara (selain daripada mereka yang berasal daripada (*belongs to*) Negeri Malaysia Timur tersebut) hendaklah mendapatkan Permit atau Pas untuk masuk ke Negeri Malaysia Timur.
- Walaubagaimanapun, pengecualian diberikan kepada mereka yang disenaraikan dalam Seksyen 66-69.

BAHAGIAN VII – PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BAGI MALAYSIA TIMUR [SABAH & SARAWAK] (SEKSYEN 62-74)

▶ **Lihat kes: Datuk Syed Kechik v Government of Malaysia**

Keputusan: Jika Mahkamah Anak Negeri Sabah mengisytiharkan bahawa pemohon merupakan Anak Negeri Sabah (*Native to Sabah*), maka ia adalah bukti bahawa pemohon tersebut adalah berasal daripada (*belongs to*) Sabah.

BAHAGIAN VII – PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BAGI MALAYSIA TIMUR [SABAH & SARAWAK] (SEKSYEN 62-74)

► Seksyen 66-69

- Siapa yang dikecualikan daripada Permit dan Pas untuk masuk ke Negeri Malaysia Timur?
 1. Berasal daripada Negeri Malaysia Timur tersebut;
 2. Anggota Kerajaan Persekutuan atau Anggota Exco Negeri atau Dewan Undangan Negeri Malaysia Timur;
 3. Hakim Mahkamah Persekutuan Hakim Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak;
 4. Anggota mana-mana Suruhanjaya atau Majlis;

BAHAGIAN VII – PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BAGI MALAYSIA TIMUR [SABAH & SARAWAK] (SEKSYEN 62-74)

► Seksyen 66-69

- Siapa yang dikecualikan daripada Permit dan Pas untuk masuk ke Negeri Malaysia Timur?
- 5. Anggota perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri;
- 6. Anak di bawah 18 tahun dan jika ia seorang lelaki, isterinya;
- 7. Warganegara yang diperlukan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan kerajaan menjalankan tanggungjawab perlembagaan dan pentadbiran;
- 8. Orang-orang yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri Malaysia Timur.

BAHAGIAN VII – PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BAGI MALAYSIA TIMUR [SABAH & SARAWAK] (SEKSYEN 62-74)

- ▶ **Seksyen 71 (Seksyen 66 harus dibaca bersama-sama Seksyen 71)**
 - Orang-orang yang Dianggap Berasal Daripada Negeri Timur Malaysia (Sabah).
 1. Ia adalah atau telah dalam masa dua tahun sebelumnya menjadi pemastautin tetap di Negeri Sabah;
 2. Melalui kuatkuasa Undang-Undang pada Hari Malaysia, ia menjadi seorang warganegara UK dan Jajahan-jajahan dan pada lazimnya bermastautin di Negeri Sabah;
 3. Melalui proses Undang-Undang pada atau selepas Hari Malaysia, salah seorang ibu atau bapanya adalah pada masa kelahirannya adalah seorang pemastautin tetap di Negeri Sabah;

BAHAGIAN VII – PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BAGI MALAYSIA TIMUR [SABAH & SARAWAK] (SEKSYEN 62-74)

- ▶ **Seksyen 71 (Seksyen 66 harus dibaca bersama-sama Seksyen 71)**
- Orang-orang yang Dianggap Berasal Daripada Negeri Timur Malaysia (Sabah).
- 4. Melalui proses pendaftaran pada Hari Malaysia ia lazimnya bermastautin di Negeri Sabah;
- 5. Pada Hari Malaysia ia bermastautin pada lazimnya di Negeri Sabah dan dalam masa sepuluh tahun sebelum hari tersebut ia telah tinggal di Negeri Sabah atau di Brunei selama tempoh kesemuanya berjumlah tidak kurang daripada 7 tahun; atau
- 6. Sebelum Hari Malaysia di bawah Undang-Undang Imigresen Negeri Sabah, ia dianggap sebagai seorang warganegara Komanwel. Sekiranya ia bukan warganegara Komanwel, ia dilahirkan di Borneo Utara sebelum November 1931.



SEKIAN, TERIMA KASIH

Helen Rapat@Johny,
Pegawai Undang-Undang,
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah.
helenrapatjohny@gmail.com



SEKIAN, TERIMA KASIH.

Helen Rapat@Johny,
Pegawai Undang-Undang,
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah.
helenrapatjohny@gmail.com